



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP5: GARIS PANDUAN MEWAJIBKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI MENGHADIRI KURSUS (PINDAAN)

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Garis panduan ini bolehlah dinamakan **GP5: Garis Panduan Mewajibkan Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Menghadiri Kursus (Pindaan)**.

- (2) Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada **16 Jun 2012**.

Pindaan para 1

2. Para 1 garis panduan ibu dipinda –

“Garis panduan ini dikeluarkan di bawah subseksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta), yang bertujuan untuk mewajibkan semua anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) menghadiri Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi, Pengurusan Kewangan Koperasi dan Pengurusan Strategik seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya).”

Pindaan para 5(1)

3. Para 5(1) garis panduan ibu dipinda kepada –

(a) Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi

- (i) Latar belakang koperasi;
- (ii) Perundangan koperasi di malaysia;
- (iii) Peranan dan tanggungjawab anggota lembaga koperasi;
- (iv) Pengurusan mesyuarat koperasi;
- (v) Tadbir urus koperasi; dan
- (vi) Integriti dalam koperasi.

(b) Pengurusan Kewangan Koperasi

- (i) Pengenalan kepada pengurusan kewangan;
- (ii) Menilai prestasi koperasi;
- (iii) Mengurus modal kerja koperasi; dan
- (iv) Mengurus tunai dan kecairan.

(c) Pengurusan Strategik

- (i) Penerapan nilai keusahawanan dalam koperasi;
- (ii) Pengenalan kepada pengurusan strategi dan pembentukan visi dan misi;
- (iii) Analisis persekitaran organisasi;
- (iv) Penjanaan dan pemilihan strategi; dan
- (v) Pelaksanaan, penilaian dan kawalan.

Pindaan para 16

4. Para 16 garis panduan ibu dipinda kepada –

“ALK yang gagal untuk menghadiri kursus seperti di para 7 garis panduan ini dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah meletak jawatan atau gugur di dalam mesyuarat agung tahunan akan datang dan mereka tidak layak untuk dilantik semula sebagai ALK sehingga telah menghadiri kursus wajib yang ditetapkan. ALK yang tidak mematuhi arahan ini adalah bersalahan dengan perenggan 91(1)(b) Akta di mana mereka abai atau enggan melakukan sesuatu perbuatan seperti yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan mereka boleh didenda di bawah subsekyen 91(2) Akta.”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 15 Jun 2012

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”